



DOKUMEN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN PSP  
**PSP-DSPKKP-05**

**PROSES PERUNDINGAN DAN  
PENGLIBATAN PEKERJA**

	DISEDIAKAN OLEH	DILULUSKAN OLEH
JAWATAN	PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM, PSP	 WAKIL PENGURUSAN POLITEKNIK SEBERANG PERAI
TARIKH	26 DISEMBER 2018	26 DISEMBER 2018
KELUARAN	PINDAAN	TARIKH KUATKUASA
03	00	02 JANUARI 2019

**ISI KANDUNGAN**

BIL	PERKARA	HALAMAN
1.0	OBJEKTIF	1
2.0	SKOP	1
3.0	RUJUKAN	1
4.0	DEFINISI	2
5.0	PROSES	3
6.0	REKOD	8
7.0	LAMPIRAN	8

**REKOD PINDAAN**

BIL.	KELUARAN	PINDAAN	TARIKH KUATKUASA	NOTA PINDAAN
1.	01	01	28/01/2016	PSP- DSPKKP- 05
2.	02	00	17/01/2017	PSP- DSPKKP- 05
3.	03	00	02/01/2019	PSP- DSPKKP- 05

## 1.0 OBJEKTIF

---

- 1.1 Memastikan proses perundingan dan penglibatan dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) di Politeknik Seberang Perai.

## 2.0 SKOP

---

- 2.1 Proses ini digunakan berkaitan dengan perundingan dan penglibatan pekerja dalam menerima, merekodkan dan bertindakbalas terhadap isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), termasuklah penglibatan dan perundingan berkaitan KKP.

## 3.0 RUJUKAN

---

- 3.1 PSP - MSPKKP – 01 Manual Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- 3.2 ISO 45001: 2018 - Klausula 5.4 Perundingan dan Penglibatan Pekerja
- 3.3 ISO 45001: 2018 - Klausula 4.2 Memahami keperluan dan harapan pekerja dan pihak yang berkaitan
- 3.4 ISO 45001: 2018 – Klausula 5.2 – Polisi KKP
- 3.5 ISO 45001: 2018 – Klausula 5.3 – Peranan, tanggungjawab dan auoriti organisasi
- 3.6 ISO 45001: 2018 – Klausula 6.1.1 – Tindakan menetapkan Risiko dan peluang
- 3.7 ISO 45001: 2018 – Klausula 6.1.3 –Menentukan keperluan perundangan dan keperluan lain
- 3.8 ISO 45001: 2018 – Klausula 6.1.4 – Tindakan perancangan
- 3.9 ISO 45001: 2018 – Klausula 6.2 – Objektif dan perancangan
- 3.10 ISO 45001: 2018 – Klausula 7.2 – Kompeten

- 3.11 ISO 45001: 2018 – Klausula 7.4 – Komunikasi
- 3.12 ISO 45001: 2018 – Klausula 8.1 – Perancangan kawalan dan operasi
- 3.13 ISO 45001: 2018 – Klausula 8.1.3 – Perubahan pengurusan
- 3.14 ISO 45001: 2018 – Klausula 8.1.4 – Perolehan
- 3.15 ISO 45001: 2018 – Klausula 9.1 – Pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian prestasi
- 3.16 ISO 45001: 2018 – Klausula 9.2.2 – Program audit dalaman
- 3.17 ISO 45001: 2018 – Klausula 10.3 – Penambahbaikan berterusan

#### **4.0 DEFINISI**

---

**4.1 JKKP,PSP**

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) ialah staf yang dilantik dari pengurusan menjadi Ahli Jawatankuasa berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan 1994

**4.2 Pihak Pengurusan/  
Timbalan Pengarah  
Akademik/ Pegawai KKP**

Pegawai yang dilantik untuk melaksana, menyelenggara SPKKP, bertanggungjawab terhadap pengurusan dokumen dan melaporkan prestasi SPKKP di PSP

**4.3 Warga PSP**

Individu-individu yang terdiri daripada staf yang dilantik oleh Jabatan Pengajian Politeknik dan para pelajar

**4.4 Kontraktor dan pembekal** Syarikat yang dilantik oleh PSP melalui prosedur perolehan untuk memberi perkhidmatan di dalam Politeknik

## 5.0 PROSES

---

Tanggungjawab	Tindakan
Pihak pengurusan/ JKKP	<p><b>A. Menyediakan mekanisme, masa, latihan dan sumber yang diperlukan untuk perundingan dan penyertaan</b></p> <p>Warga politeknik di dedahkan dengan latihan,kursus-kursus dan program yang berkaitan dengan KKP. Latihan, kursus dan program ini dianjurkan oleh pihak politeknik dengan bantuan pihak-pihak yang kompeten dalam KKP.</p>
JKKP/ UICT	<p><b>B. Menyediakan akses yang tepat kepada maklumat yang jelas pada masanya, dapat difahami dan relevan mengenai sistem pengurusan KKP</b></p> <p>Warga politeknik juga boleh mendapatkan sumber maklumat berkaitan KKP dalam laman sesawang yang telah disediakan. Sebaran Maklumat SPKKP kepada kakitangan dalam dilakukan menerusi</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. papan kenyataan,</li><li>ii. memo dalaman,</li><li>iii. pekeliling pengurusan,</li><li>iv. mesyuarat jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan</li><li>v. perhimpunan bulanan,</li><li>vi. media elektronik dan cetak (surat, e-mel, portal, intranet, penerbitan laporan, buletin atau lain-lain saluran).</li></ul>

Tanggungjawab	Tindakan
JKKP/ UPS	<p><b>C. Menentukan dan menghapuskan halangan dan meminimumkan halangan yang tidak dapat dihapuskan</b></p> <p>Sebarang punca bahaya yang wujud di dalam kawasan sekitar politeknik samada secara aduan atau ditentukan oleh pihak JKKP atau dilaporkan kepada pihak yang berkaitan, pihak politeknik akan berusaha untuk memastikan langkah-langkah pencegahan diambil untuk menghapuskan atau meminimakan risiko terhadap warga politeknik. Ini termasuklah membuat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. taklimat keselamatan</li> <li>ii. tanda amaran</li> <li>iii. hebahan maklumat kepada semua warga politeknik dan pihak yang berkaitan</li> </ul>
Pihak pengurusan/ JKKP	<p><b>D. Menegaskan perundingan pekerja bukan pengurus mengenai perkara berikut:</b></p> <p>Pihak politeknik juga sentiasa berkomunikasi dengan pihak yang berkaitan dalam menentukan keperluan dan jangkaan pihak yang berkaitan, termasuk dasar KKKP.</p> <p>Pihak politeknik juga memberi peranan dan tanggungjawab kepada pihak berkuasa yang berkaitan dengan organisasi seperti DOSH, JAS, untuk menentukan cara memenuhi keperluan undang-undang dan keperluan lain dengan mengadakan pemeriksaan secara berkala.</p> <p><b>i. Mengadakan objektif KKP dan merancang untuk mencapainya</b></p> <p>Pihak politeknik akan mengadakan perbincangan secara menyeluruh melibatkan wakil majikan dan wakil pekerja dalam mesyuarat JKKP setiap tahun.</p>

Tanggungjawab	Tindakan
UPS / JKKP	<p><b>ii. Menentukan kawalan perolehan dikenakan untuk pembekal luar dan kontraktor</b>          Pihak politeknik telah menetapkan prosedur yang khusus untuk menentukan kawalan perolehan yang dikenakan untuk pembekal dan kontraktor (prosedur perolehan klausa 8.1.4).</p>
JKKP	<p><b>iii. Menentukan apa yang perlu dipantau, diukur dan dinilai</b>          Pihak pengurusan politeknik telah menetapkan elemen yang bertepatan dan bersesuaian dengan skop pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kawasan kerja seperti dinyatakan dalam proses penilaian operasi (Klausa 9.0).</p>
JKKP/ Auditor dalaman	<p><b>iv. Merancang, mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan program audit</b>          Pihak politeknik telah mewujudkan pasukan khas (Jawatankuasa Audit Dalaman SPKKP) untuk mengadakan audit terhadap perlaksanaan dan pematuhan SPKKP.</p>
Pihak pengurusan/ PPK/JKKP	<p><b>v. Memastikan peningkatan berterusan</b>          Unit KKP politeknik akan memastikan SPKKP dan pematuhan KKP akan dilaksanakan dan dipertingkatkan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan mengadakan pemeriksaan secara berkala.</p>

Tanggungjawab	Tindakan
<b>Pihak pengurusan/ PPK</b>	<p>vi. <b>Menekankan penyertaan pekerja bukan pengurus dalam perkara berikut:</b></p> <p>a. <b>Menentukan mekanisme untuk perundingan dan penyertaan mereka</b>            Warga kerja politeknik diberi peluang untuk memilih menghadiri latihan, kursus dan program yang berkaitan KKP dengan memohon melalui unit latihan dan pendidikan lanjutan</p>
<b>JKKP</b>	<p>b. <b>Mengenal pasti punca bahaya dan menilai risiko dan peluang</b>            Warga politeknik termasuk pelajar didedahkan dengan kaedah mengenalpasti punca bahaya dan menilai risiko secara kolektif dengan mengadakan borang HIRARC.</p> <p>c. <b>Menentukan tindakan untuk menghapuskan punca bahaya dan mengurangkan risiko KKP</b>            Warga politeknik juga diberikan taklimat keselamatan dan maklumat yang berkaitan dengan punca bahaya dan risiko yang berpotensi di dalam politeknik</p>
<b>ULPL/ pensyarah</b>	<p>d. <b>Menentukan keperluan kecekapan, keperluan latihan, latihan dan menilai latihan</b>            Warga kerja politeknik diberi peluang untuk memilih menghadiri latihan, kursus dan program yang berkaitan KKP dengan memohon melalui unit latihan dan pendidikan lanjutan</p>

Tanggungjawab	Tindakan
Pensyarah/ UPS	<p><b>e. Menentukan apa yang perlu disampaikan dan bagaimana ini akan dilakukan</b></p> <p>Pihak pengurusan politeknik telah menetapkan setiap pensyarah/ warga politeknik yang berkaitan bertanggungjawab dalam menentukan perkara yang perlu disampaikan kepada pelajar atau pihak yang berkaitan maklumat KKP sebelum sesuatu kerja dilaksanakan. Antaranya ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. taklimat keselamatan (<i>toolbox meeting</i>)</li> <li>2. Penggunaan peralatan kerja</li> <li>3. dan yang berkaitan</li> </ol>
PKKP/ Pensyarah/ UPS	<p><b>f. Menentukan langkah-langkah kawalan dan pelaksanaan dan penggunaannya yang berkesan</b></p> <p>Pihak politeknik telah menyebarluaskan maklumat berkaitan dengan KKP dan menyediakan peralatan-peralatan perlindungan diri yang bersesuaian dengan risiko.</p>
PPK/ JKKP	<p><b>g. Menyiasat kejadian dan ketidakpatuhan dan menentukan tindakan pembetulan</b></p> <p>Pihak politeknik telah membentuk JKKP dan jawatankuasa audit untuk melaksanakan siasatan sebarang kejadian berbahaya dan ketidak patuhan berkaitan KKP dan menetapkan langkah pencegahan yang sesuai dengan keadaan dan kekangan politeknik</p>

## 6.0 REKOD

---

Bil.	Jenis Rekod	Tempoh Simpanan	Lokasi
1.	Matrik Komunikasi	3 Tahun	
2	Minit mesyuarat JKPP	1 tahun	
3	Polisi KKP	1 tahun	
4	Permit to work (PTW)	1 tahun	
5	Memo berkaitan	1 tahun	Unit Jaminan Kualiti, PSP
6	Objektif KKP	1 tahun	
7	Rekod latihan staf	1 tahun	
8	Perancangan tahunan	1 tahun	
9	Rekod perolehan	1 tahun	

## 7.0 LAMPIRAN

---

TIADA

